


6. POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR & SURAT SOKONGAN

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans



POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR & SURAT SOKONGAN

KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN	3
2	OBJEKTIF	4
3	DEFINISI	4
4	SKOP PEMAKAIAN	6
5	PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN	6
6	PERNYATAAN POLISI	7
7	PENGURUSAN SURAT SOKONGAN & PENGARUH LUAR	8
8	SURAT SOKONGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN & PEMIMPIN KERAJAAN	9
9	PEMATUHAN	9
10	PENUTUP	10

1

PENDAHULUAN

- 1.1 Amalan menggunakan pengaruh luar dan cubaan mempengaruhi sesuatu pertimbangan keputusan bagi apa-apa urusan Kerajaan, khususnya melalui surat sokongan telah menjadi amalan dan budaya tidak beretika dalam masyarakat malah ianya amat sukar dibendung dan berleluasa.
- 1.2 Keadaan ini telah meletakkan pegawai awam yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pertimbangan dan keputusan berkaitan sesuatu urusan dalam keadaan serba salah, terganggu dan terancam. Amalan ini boleh menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan imej dan integriti organisasi.
- 1.3 Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 inisiatif 1.3.1: Melarang anggota pentadbiran daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada anggota pentadbiran atau individu berpengaruh.
- 1.4 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) memandang berat terhadap penerimaan dan pengurusan surat sokongan yang mungkin akan mempengaruhi kepentingan pihak-pihak tertentu, sehingga menyebabkan berlakunya rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
- 1.5 Justeru, Warga Kerja PKNPk hendaklah menghindar dari segala kelakuan yang boleh menyebabkan percanggahan antara kepentingan persendirian dengan tugas-tugas rasminya atau kelakuan yang boleh menimbulkan syak tentang integriti Warga Kerja PKNPk tersebut.

2

OBJEKTIF

2.1 Polisi ini dibangunkan bagi:

- i. memberi panduan dan rujukan kepada Warga Kerja PKNPk serta pihak luar mengenai tatacara pengurusan pengaruh luar dan surat sokongan;
- ii. memastikan penyampaian perkhidmatan PKNPk dapat dilaksanakan dengan telus dan profesional tanpa campur tangan daripada pihak – pihak yang berkepentingan; dan
- iii. sebagai dukungan kepada pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019 – 2023 bagi memperkukuhkan nilai akauntabiliti dan integriti.

3

DEFINISI

3.1 **Warga Kerja PKNPk**

Pegawai dan warga kerja yang berkhidmat di PKNPk dan anak syarikat yang mana PKNPk mempunyai kepentingan majoriti, yang dilantik sama ada secara tetap atau pinjam khidmat.

3.2 **Pihak Ketiga**

Mana-mana individu atau organisasi yang dihubungi oleh Warga Kerja PKNPk semasa bertugas untuk PKNPk dan anak syarikat. Ini termasuk pelanggan sedia ada dan pelanggan berpotensi, kontraktor, pembekal, rakan strategik, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), penasihat, wakil, ahli politik dan parti politik serta mana-mana pihak yang berurusan dengan PKNPk.

3.3 Pengaruh Luar

Apa-apa bentuk tekanan / desakan daripada pihak yang tidak berkenaan sama ada secara lisan, bukan lisan atau dengan apa-apa cara lain daripada pemimpin kerajaan atau individu berpengaruh ke atas Warga Kerja PKNPk dengan tujuan menyokong sesuatu urusan atau mempengaruhi sesuatu pertimbangan keputusan.

3.4 Surat Sokongan

Sebarang komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan. Ini termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, e-mel, khidmat pesanan ringkas, percakapan mulut, panggilan telefon dan sebagainya yang bertujuan menyokong sesuatu urusan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

3.5 Pemimpin Kerajaan

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

3.6 Individu Berpengaruh

Individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli politik dan lain-lain.

3.7 UIG

Bermaksud Unit Integriti & Governans.

4

SKOP PEMAKAIAN

Polisi ini adalah terpakai kepada semua Warga Kerja PKNPk dan kontraktor, konsultan, pelanggan, pembekal dan *stakeholder* / pihak berkepentingan PKNPk serta orang awam, yang berurusan dengan PKNPk. Polisi ini perlu dibaca bersama Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) serta peraturan dan prosedur semasa yang disuai pakai oleh PKNPk.

5

PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

- 5.1 Pemakaian polisi ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.
- 5.2 Polisi akan dikaji dari semasa ke semasa dan akan ditambahbaik jika perlu oleh UIG PKNPk.
- 5.3 Maklumat berkaitan polisi ini akan dimaklumkan kepada Warga Kerja PKNPk melalui saluran dalaman dan dimuat naik ke dalam portal rasmi PKNPk.

6

PERNYATAAN POLISI

- 6.1 PKNPk sentiasa komited dan berusaha untuk menerapkan, memperkemas dan memperkukuhkan aspek integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam semua urusan rasmi.
- 6.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, semua Warga Kerja PKNPk adalah dilarang untuk:
 - i. membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana pemimpin kerajaan dan individu berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; atau
 - ii. menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai asas pertimbangan atau arahan daripada pemimpin kerajaan dan individu berpengaruh dalam membuat keputusan.

7

PENGURUSAN SURAT SOKONGAN & PENGARUH LUAR

- 7.1 Dalam mengurus pengaruh luar dan surat sokongan, Warga Kerja PKNPk hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
- i. sekiranya sokongan diterima secara bertulis, dokumen tersebut hendaklah difailkan dalam fail berkaitan; atau
 - ii. sekiranya sokongan diterima secara lisan, hendaklah mencatatkan komunikasi tersebut secara bertulis berserta maklumat pihak yang memberi sokongan; dan
 - iii. hendaklah dengan segera melaporkan secara bertulis mengenai sokongan yang diterima kepada Ketua Eksekutif PKNPk atau UIG PKNPk untuk mendapatkan arahan atau tindakan lanjut; atau
 - iv. sekiranya atas apa-apa sebab tertentu atau tidak praktikal untuk melaporkan kepada Ketua Eksekutif PKNPk, hendaklah melaporkan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tindakan lanjut.

8

SURAT SOKONGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN & PEMIMPIN KERAJAAN

- 8.1 Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa anggota pentadbiran dan ahli parlimen hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada anggota pentadbiran dan ahli parlimen selaku kerajaan.
- 8.2 Sehubungan itu, anggota pentadbiran dan pemimpin kerajaan hendaklah mengelakkan diri daripada menggunakan jawatan untuk mengenakan apa-apa tekanan ataupun mengeluarkan apa-apa surat sokongan bagi maksud menyokong apa-apa permohonan atau keputusan oleh pegawai PKNPk.

9

PEMATUHAN

- 9.1 Kegagalan atau keengganan Warga Kerja PKNPk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah apa-apa peruntukan, garis panduan, polisi, peraturan sedia ada yang terpakai di PKNPk.
- 9.2 Pelanggaran polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau mana-mana agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

10

PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen PKNPk dalam menerapkan nilai integriti yang tinggi serta mempraktikkan amalan terbaik dalam semua aspek perkhidmatan PKNPk, sekaligus dapat menangani isu campur tangan pemimpin kerajaan serta individu berpengaruh dalam membuat penilaian dan keputusan.



مريدانن كمالوان نكزي فراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

TERIMA KASIH

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans

